

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN  
MOHD HARUN NARRASHID**

**KAWASAN : KOTA TINGGI**

**TARIKH : 17.06.2014**

**NO. SOALAN : 117**

**YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah hasil rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA) dapat memanfaatkan eksport barang Malaysia ke Turki.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA) yang merangkumi perdagangan barang dan kerjasama ekonomi telah ditandatangani pada 17 April 2014 di Ankara, Turki. Kedua-dua negara pada masa kini sedang menjalankan proses ratifikasi perjanjian perdagangan bebas tersebut sebelum ianya dapat dilaksanakan di mana dijangkakan boleh dilaksanakan pada tahun 2015.

Melalui Perjanjian Perdagangan Bebas, produk-produk Malaysia akan dapat dieksport ke negara rakan dagang FTA tanpa dikenakan cukai import atau pun cukai import dalam kadar yang rendah berbanding produk-produk dari negara lain yang bukan rakan dagang FTA. Bagi Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Turki, Turki telah bersetuju untuk menghapuskan duti import secara serta merta sebaik sahaja perjanjian tersebut dilaksanakan ke atas 100% produk berasaskan getah, 97.8% produk berasaskan kimia dan 93.9% barang elektrik dan elektronik.

Manakala secara keseluruhannya, Turki akan menghapuskan cukai import ke atas hampir 70% barisan tarif bagi produk eksport Malaysia ke negara tersebut sebaik sahaja perjanjian ini dilaksanakan. Pada tahun ke lapan pelaksanaan perjanjian perdagangan bebas Malaysia-Turki, Turki akan menghapuskan duti import ke atas hampir 86% produk Malaysia yang di import oleh Turki.

Selain itu, barangan tekstil yang merupakan produk eksport terpenting Malaysia ke negara Turki juga tidak akan dikenakan cukai tambahan apabila perjanjian ini berkuatkuasa. Pada masa ini, selain daripada duti import, sebanyak 20%-30% cukai tambahan telah dikenakan. Barangan tekstil Malaysia akan menjadi lebih kompetitif berbanding barangan tekstil yang diimport oleh Turki memandangkan selain daripada duti import, produk-produk mereka masih dikenakan cukai tambahan sebanyak 20%-30% ini.

Pengeksort produk kelapa sawit juga akan memanfaat di mana produk kelapa sawit dieksport akan dapat dieksport dengan kadar duti yang lebih kompetitif berbanding pesaing-pesaing lain dan menjadikan Malaysia pilihan sebagai sumber import kelapa sawit oleh Turki.

Adalah dijangkakan bahawa dengan pelaksanaan perjanjian perdagangan bebas Malaysia-Turki ini, peluang bagi

pengeksport-pengeksport Malaysia untuk menembusi pasaran Turki dan pasaran di rantau tersebut akan menjadi lebih luas. Nilai eksport produk Malaysia ke Turki juga dijangkakan akan meningkat selaras dengan hasrat kedua-dua buah negara dalam mencapai sekurang-kurangnya nilai perdagangan bersama sebanyak USD5 billion pada tahun 2018.

Selain itu, faedah menyertai perjanjian ini boleh dilihat dari aspek kerjasama yang telah dipersetujui di antara Malaysia dan Turki. Perjanjian perdagangan bebas ini dapat membantu bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal.